

Rujukan Kami : UniSZA. P/2/PP/604-2 (7)
Bertarikh : 13 November 2018

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**

YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 7/2018:
ARAHAN PENGGUNAAN VIDEO LAGU UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA) YANG BAHARU**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah membuat penambahbaikan terhadap video lagu rasmi UniSZA iaitu lagu "Ilmu Demi Faedah Insan". Video ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang UniSZA (di ruangan "Hebahan"). Sehubungan dengan itu, sebarang aktiviti/program yang berkenaan hendaklah mengguna pakai video yang telah ditambahbaik sepertimana di atas.

3. Pohon kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan untuk menghebahkan perkara ini kepada staf di PTj masing-masing. Semoga perkara ini berada dalam perhatian, makluman dan tindakan YBhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Ilmu dan Akhlak"

Saya yang menjalankan amanah,

ISMAIL BIN AHMAD
Pendaftar

s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor

- TNC (HEPA) – *mohon kerjasama untuk menghebahkan perkara ini kepada pelajar.*